

48

SOALAN NO: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]  
**TARIKH :** 20 MAC 2018  
**SOALAN :** 62

**YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kementerian belum mengemukakan skim untuk membekalkan dengan percuma besi dan alat lain yang dipakai untuk merawat tulang patah memandangkan ramai pesakit menghadapi masalah mencari wang untuk membayar alat-alat ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semenjak Oktober tahun 2002, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya alatan implan/prostesis diberikan secara percuma kepada pesakit-pesakit Ortopedik yang dirawat di hospital-hospital KKM yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- 149
- 1) Semua pesakit Kelas 3 yang dimasukkan ke hospital-hospital KKM;
  - 2) Anggota-anggota perkhidmatan awam persekutuan dan pesara perkhidmatan awam persekutuan yang menerima pencen mereka serta keluarga terdekat;
  - 3) Orang Kurang Upaya/Cacat yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
  - 4) Orang-orang Asli; dan
  - 5) Murid-murid sekolah kerajaan.

Dengan adanya keputusan kerajaan ini, dalam tempoh tahun 2013 hingga 2017, seramai **135,908** pesakit yang telah menerima manfaat dan impalan atau prosthesis yang diberikan secara percuma oleh kerajaan. Anggaran kos yang ditanggung kerajaan untuk pemberian percuma untuk tempoh tersebut adalah sebanyak **RM69,831,177**.

Selain dari itu, pesakit yang tidak mampu juga boleh memohon bantuan kewangan daripada Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Melalui TBP, KKM membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos rawatan perubatan, alatan perubatan, alatan rehabilitasi dan ubat-ubatan yang tidak dapat disediakan oleh Hospital Kerajaan. Ini termasuk pembiayaan bagi *prostesis, spinal implant, joint arthroplasty* dan sebagainya.